

19 NOV 2003

Nazri-Teksi/I

TIDAK ADA LAGI PERMIT TEKSI UNTUK SYARIKAT BARU, KATA MOHAMED NAZRI

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Kerajaan akan menghentikan pengeluaran permit teksi kepada syarikat-syarikat baru memandangkan hampir 200 syarikat sudah beroperasi pada masa ini.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata syarikat-syarikat yang sedia ada kini adalah kukuh dari segi kewangannya di samping memiliki kepakaran untuk mengendalikan perkhidmatan teksi.

"Syarikat-syarikat baru akan memerlukan modal yang besar dan kita mahukan supaya syarikat-syarikat yang sedia ada, memperolehi dulu hasil pelaburan mereka. Disebabkan skala ekonomi dan pengalaman mereka dalam mengendalikan perkhidmatan teksi, merekalah yang seharusnya diberikan lebih banyak permit," katanya selepas menyampaikan permit kepada 214 pemandu individu sekitar Lembah Klang, di ibu pejabat kementerian itu di sini hari ini.

"Bidang ini membabitkan tugas menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai, dan sekiranya kita terus mengeluarkan permit kepada syarikat-syarikat baru, kita akan menghadapi masalah dan perkhidmatan awam akan terjejas," katanya.

Pada masa ini, kira-kira 10,000 teksi berada sekitar Lembah Klang memberikan perkhidmatan kepada hampir 5.5 juta penduduknya.

Mohamed Nazri berkata kabinet telah memutuskan untuk menghentikan pembekuan keatas permit teksi individu pada tahun 1999 atas nasihat Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad selepas ia dihentikan pada 1986.

"Langkah itu bertujuan mewujudkan lebih ramai usahawan dalam sektor tersebut dan sehingga kini, kira-kira 800 permit individu telah dikeluarkan," katanya.

Beliau seterusnya menafikan dakwaan sesetengah pihak bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan telah mengeluarkan terlalu banyak permit teksi sehingga menjejaskan pendapatan pemandu.

"Jika benar terlalu sukar untuk hidup dengan pendapatan yang diperolehi dalam bidang ini, mengapa kami masih menerima 2,000 permohonan sehingga bulan Ogos tahun ini," katanya.

Sementara itu, Mohamed Nazri berkata kerajaan masih tidak berpuas hati dengan sikap segelintar pemandu-pemandu teksi yang melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP).

"Statistik perkhidmatan teksi di negara ini masih tidak menunjukkan banyak perubahan. LPKP akan mengambil tindakan yang tegas terhadap pengusaha atau pemandu yang tidak mematuhi peraturan. Lesen hak kerajaan, dan kita boleh tarik balik," kata beliau.

Antara lain-lain kesalahan yang dikesan adalah enggan mengambil penumpang, tidak guna meter, mengenakan tambang lebih, tidak memakai uniform dan beroperasi di luar kawasan.

"Sejak September 2003, LPKP telah melaksanakan sistem kompaun sebanyak RM300 terhadap pemandu yang melakukan kesalahan, dan sehingga kini 173 kompaun telah dikeluarkan," kata Mohamed Nazri.

-- BERNAMA

VP AHH AZH